

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN**  
**BIL. 1/1999**

---

**LANGKAHAN MENGHADAPI SAMAN PEMULA**

Arahan ini dikeluarkan supaya semua Pentadbir -Pentadbir Tanah Jajahan mengambil langkah segera / utama kepada mana -mana Saman Pemula yang diterima daripada mana - mana firma guaman, atau mahkamah. Kecialian atau melambatkannya secara sengaja atau tidak sengaja menyebabkan ia menyusahkan Pentadbir Tanah itu sendiri dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) kelak.

2. Di dalam apa jua tindakan mahkamah yang melibatkan pentadbiran / kerajaan (Jabatan, Pegawai Kerajaan) atas resminya akan dihadiri /wakili bersama oleh Penasihat Undang -undang Negeri Kelantan.

3. Manakala mengikut prosedur mahkamah / memorandum kehadiran hendaklah difailkan di dalam masa 8 hari setelah menerima saman dan pembelaan hendaklah dimasukkan dalam masa 14 hari dari tarikh masuk kehadiran. Kegagalan Pihak Pentadbiran / Kerajaan memasukkan kehadiran dan mengemukakan pembelaan dalam masa yang ditetapkan, pihak plaintiff (pemohon) boleh mendapat penghakiman ingkar (default judgement).

4. Dengan demikian Pentadbir Tanah hendaklah mengemukakan satu salinan Saman Pemula kepada Pejabat Penasihat Undang -Undang, dan satu salinan lagi ke Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan.

5. Di dalam Seksyen 5 KTN. Pentadbir Tanah bermakna seorang Pentadbir Tanah yang dilantik di bawah Seksyen 12, dan termasuk seorang Penolong Pentadbir yang dilantik dibawahnya.

6. Bagaimana perenggan (5) di atas. YB. Penasihat Undang -Undang memberi pandangan Penolong Kanan Ketua Jajahan sendiri yang patut menghadiri perbicaraan mana - mana mahkamah. Ini adalah kerana urusan protokol mahkamah yang memerlukan pegawai kanan diutamakan menghadiri mahkamah.

7. Arahan ini hendak dibaca bersekali dengan Arahan PTG 5/ 98 dan ia berkuatkuasa mulai tarikh surat ini.

**t.t**

**(Md. Yusof Bin Noh)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.

Kepada : Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

Salinan kepada :

1. YAB. Tuan Guru dato' menteri Besar Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YBM. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Penasihat Undang -Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha  
(Majlis Mesyuarat Kerajaan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG.KN 3269 JLD. 2 (42)**

**BERTARIKH : 15 Syawal 1419H  
02 Februari 1999**